

Headline	SESB bangun rantaian bekalan bahan binaan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	27	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	705 cm ²
Journalist	Nadzarul Amir Zainal Azam	AdValue	RM 18,366
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,098



SESB bangun rantaian bekalan bahan binaan

Oleh **NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM**

SEJAK kebelakangan ini, keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu telah mengundang kekusaran di dalam kalangan pembeli terutamanya bagi membeli rumah mampu milik.

Landskap ekonomi semasa yang dialami dunia banyak memainkan peranan penting sehingga boleh menyebabkan peningkatan harga bahan binaan perumahan. Ia sekali gus akan melonjak kos perumahan sehingga menyukarkan pembeli memiliki rumah idaman mereka.

Menyedari kepentingan tersebut, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan memasarkan bahan binaan secara terus kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan projek pembangunan perumahan melalui anak syarikatnya, SPNB Edar Sdn. Bhd. (SESB).

Langkah proaktif berkenaan dilakukan bagi memastikan harga jualan kekal rendah dan mampu dimiliki golongan sasaran yang ingin memiliki rumah idaman mereka. Ia juga bagi menjamin projek perumahan yang akan dibangunkan berkualiti tinggi.

Pengerusi SESB, Datuk Dr. Mohd. Padzil Hashim berkata, melalui langkah proaktif itu, masalah kualiti serta projek terbengkalai disebabkan masalah modal pihak kontraktor dapat ditangani dan dikekang.

“SESB bertanggungjawab membekalkan bahan binaan terus kepada kontraktor. Melalui pendekatan ini, bahan binaan yang digunakan kelak mematuhi piawaian ditetapkan sekali gus dapat mengawal kualiti projek.

“Selain itu, bekalan bahan binaan diperoleh juga daripada sumber yang boleh dipercayai dan berkualiti. SESB mempunyai tanggungjawab sosial yang besar terutama membabitkan projek

pembinaan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M),” katanya.

Beliau menjelaskan, pendekatan tersebut boleh membantu mengekalkan harga rumah.

Katanya, ia berikutan pemaju

perumahan sentiasa terdedah kepada turun naik pasaran hartanah dan harga bahan pembinaan.

Rantaian bekalan

“SESB memainkan peranan penting membangunkan rantaian bekalan binaan bersepadu dan bertindak sebagai pembekal bahan binaan khususnya program-program pembangunan SPNB,” ujarinya.

Dalam pada itu, beliau menambah SESB turut menjalankan program Pembangunan Vendor Bumiputera (BVDP) bagi rantaian pembekalan bahan binaan.

“Melalui program tersebut, pengilang, pengeluar dan pembekal bahan binaan bumiputera mendapat peluang yang lebih luas, berdaya maju dan mampan di dalam pasaran agak lemah buat masa ini.

“SESB telah melaksanakan polisi-polisi yang mampu menyediakan pasaran kepada pengilang dan pengeluar kerana semua kontraktor bernaung di bawah SPNB diwajibkan mendapatkan bekalan bahan binaan daripada vendor dilantik pihak SESB,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, langkah memasarkan bahan binaan secara terus membolehkan SPNB memantau dan memastikan mutu pembinaan oleh kontraktor-kontraktor.

“Ia membolehkan SPNB memantau dan memastikan mutu pembinaan oleh kontraktor pelbagai kelas bermula dari G1 hingga G7 yang dilantik mendapat bekalan bahan binaan berkualiti dengan harga kompetitif.


“Bahkan, SPNB mempunyai lebih 130 rangkaian kedai perkakasan bagi membolehkan kumpulan kontraktor ini mendapatkan bekalan,” ujarinya.

Beliau menambah, pihaknya juga telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kualiti output syarikat secara total melalui pelaksanaan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan Bangunan (Qlassic) yang diperkenalkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Headline	SESB bangun rantaian bekalan bahan binaan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	27	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	705 cm ²
Journalist	Nadzarul Amir Zainal Azam	AdValue	RM 18,366
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,098

“Melalui Qlassic, kakitangan yang berkaitan akan menjalani latihan bersesuaian mengikut keperluan ke arah pelaksanaan Sistem Penilaian Kualiti Hasil Kerja Binaan secara berkala bagi memastikan rumah-rumah yang dibina adalah berkualiti.

“SPNB bakal menyambut ulang tahun penubuhan yang ke-20 pada 15 Julai nanti perlu sentiasa kekal relevan dan berdaya saing dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat,” katanya.



AHMAD AZIZI



MOHD. PADZIL



RUMAH Mesra Rakyat yang dibangunkan SPNB akan menggunakan produk-produk dibekalkan oleh SESB. – Gambar hiasan



PEMASARAN terus bahan binaan untuk projek SPNB oleh anak syarikatnya dapat memastikan harga jualan kekal pada kadar ditetapkan dan mampu dimiliki golongan sasaran.



ANTARA pelbagai jenis jubin bermutu tinggi yang dibekalkan SESB untuk projek-projek SPNB.